

**KERTAS PELAPORAN
JAWATANKUASA PEMANDU
TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)**

MENGKAJI PENDEKATAN E-DAGANG BAGI MEMANTAPKAN DEFINISI DAN
JENIS PERDAGANGAN ELEKTRONIK (E-DAGANG) SERTA
PROSES TRANSAKSI YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI E-DAGANG

Disediakan oleh:
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
Jabatan Perangkaan Malaysia
Ogos 2014

Kertas Pelaporan
Kajian Di Bawah Jawatankuasa Pemandu Teknikal Statistik

1. Tajuk kajian

Mengkaji Pendekatan e-Dagang bagi memantapkan definisi dan jenis Perdagangan elektronik (e-dagang) serta proses transaksi yang dikategorikan sebagai e-Dagang.

1.1 Teras Strategik 2: Mempertingkatkan penyelidikan dan analisis serta membudayakan inovasi.

1.2 Strategi 1: Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data.

2. Latar belakang

- Perdagangan elektronik atau dikenali sebagai e-Dagang merupakan sistem perniagaan jual beli yang dilakukan di internet. Deklarasi *World Trade Organisation* (WTO) mendefinisikan e-Dagang sebagai “*the production, distribution, marketing, sale or delivery of goods and services by electronic means*”. Proses jual beli secara keseluruhannya melibatkan pihak penjual, pembeli dan pihak-pihak ketiga seperti bank, syarikat-syarikat kewangan, syarikat kad kredit, pengeluar sijil pengesahan digital dan lain-lain lagi. Tujuan kewujudan pihak ketiga ini membolehkan pembeli membeli dengan selesa serta meningkatkan keyakinan pembeli di dalam proses jual beli secara e-Dagang.

- Pra-syarat terpenting untuk menjalankan perniagaan melalui e-Dagang ialah pemilikan lengkap IT yang sesuai dan prasarana telekomunikasi yang boleh mengakses internet iaitu bermula dengan sebuah komputer, modem dan talian telefon. E-Dagang terdiri daripada beberapa komponen yang mempunyai ciri-ciri dan fungsinya yang tersendiri sebagai contoh

Pertukaran Data Elektronik atau *Electronic Data Interchange* (EDI), internet, pensijilan digital, tandatangan digital, wang digital, *Electronic Fund Transfer*, *Electronic Catalogs* dan lain-lain lagi.

3. Objektif Kajian

Keperluan melihat definisi negara lain dan definisi yang diputuskan oleh Meltimedia Development Corporation (MDec) diperlukan bagi membantu Jawatankuasa ini mengwujudkan definisi yang sesuai selaras dengan piawai antarabangsa. Di samping itu, definisi yang jelas dapat membantu Jabatan membuat pungutan dan penganalisisan data yang lebih mewakili dan berkualiti.

4. Pendekatan Metodologi

Data e-Dagang bagi perniagaan akan diperolehi dari soalan Modul ICT di dalam Penyiasatan Tahunan Ekonomi (SSE) yang melibatkan Sektor Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan Perlombongan & Pengkuarian dan Pertanian. Manakala data isirumah akan dikaji dari hasil Penyiasatan Pendapatan Isirumah dan Kemudahan Asas dan Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah.

5. Jadual/Tempoh Pelaksanaan

Tempoh perlaksanaan adalah secara berterusan dengan memantau perkembangan dan penggunaan e-Dagang secara global melalui rujukan daripada sumber maklumat yang diperolehi daripada agensi-agensi yang berkaitan baik di dalam negara mahu pun dari luar negara.

6. Kemajuan dan Status Terkini

6.1 Bagi tujuan penyeragaman definisi, satu pekeliling Penggunaan ICT dalam Perniagaan Bil. 1/2013 telah dikeluarkan pada **12 Julai 2013** seperti berikut :

Soalan Penggunaan ICT

Seksyen A: Maklumat umum berkaitan penggunaan ICT dalam pertubuhan tuan

6.1.1 Definisi untuk Komputer adalah seperti berikut :

Komputer termasuk desktop, komputer mudah alih atau komputer tangan (komputer riba), minicomputer dan kerangka utama. Komputer juga termasuk peralatan dengan beberapa kebolehan pengkomputeran (contohnya yang mempunyai aplikasi seperti android dan replikasi kepada internet / emel) iaitu seperti telefon bimbit (smartphone), pembantu digital peribadi (PDA), Ipad, tablet atau set TV. Ia tidak termasuk jentera yang dikawal komputer atau elektronik.

Definisi ini telah **disahkan** dan **dipersetujui** berdasarkan **keputusan yang telah dibuat semasa Mesyuarat Kumpulan Kerja Mengkaji Pendekatan E-Dagang Bil 3/2013** yang telah diadakan pada **17 Jun 2013** yang telah dipengerusikan oleh **YBrs. Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi**.

6.1.2 Definisi untuk E-Dagang adalah seperti berikut :

Urus niaga e-Dagang adalah penjualan atau pembelian barang atau perkhidmatan yang dijalankan melalui rangkaian pengkomputeran /internet dengan kaedah yang direka untuk tujuan

menerima atau membuat pesanan (untuk tujuan pembelian atau jualan) iaitu sama ada antara perniagaan, isi rumah, individu, kerajaan, dan lain-lain organisasi awam atau swasta. Barang atau perkhidmatan yang dibuat pesanan (untuk tujuan pembelian atau jualan) melalui rangkaian pengkomputeran/internet tetapi pembayaran dan penghantaran muktamad barang atau perkhidmatan boleh dijalankan pada atau bukan melalui rangkaian pengkomputeran/Internet atau e-mel.

Urus niaga e-Dagang termasuk pesanan yang dibuat di laman web, extranet atau EDI. Urus niaga E-Dagang tidak termasuk pesanan yang dibuat dengan panggilan telefon atau faks.

Definisi ini telah disahkan dan dipersetujui berdasarkan maklumbalas pertanyaan e-mel bertarikh 18 Jun 2013 yang telah dihantar oleh pihak Jabatan kepada MDEC dimana pihak MDEC selaku selaku Ketua Jawatankuasa Kerja Definisi ICT and E-Commerce di bawah *ICTSA Steering Committee* bersetuju dengan cadangan DOSM untuk menggunakan definisi yang disarankan oleh *OECD Guide to Measuring the Information Society 2011*.

- 6.2 Bahagian Perangkaan Akaun Negara (BPAN) telah membentangkan hasil penyusunan e-Dagang bertajuk “Measuring e-Commerce in Malaysia” pada Mesuarat Kumpulan Kerja Mengkaji Pendekatan e-Dagang Bil. 2/2014 pada 11 Jun 2014. Berdasarkan pembentangan tersebut, data yang digunakan oleh BPAN adalah berdasarkan soalan Usage of ICT yang diperolehi semasa Banci Ekonomi 2010 yang meliputi Sektor Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian dan Pertanian.

- 6.3 Manakala pembentangan hasil Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES) 2012 dan hasil Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2013 akan dibentangkan pada mesyuarat yang akan dicadangkan pada Oktober 2014.